

PESURUHJAYA BANGUNAN KUALA LUMPUR

BAHAGIAN PESURUHJAYA BANGUNAN KUALA LUMPUR

TINGKAT 17, BANGUNAN TH PERDANA

1001 JALAN SULTAN ISMAIL

50250 KUALA LUMPUR

Telefon : 03-2617 1000

Faks : 03-26171040

Emel : cob@dbkl.gov.my

Ruj. Kami : (10)DBKL/JPPH/COBADMIN/21 Jld

Tarikh : Februari 2019

PEKELILING COBKL 2019/02

Pengerusi

Badan Pengurusan Bersama (JMB)/

Perbadanan Pengurusan (MC)/

Perbadanan Pengurusan Subsidiari (Sub MC)

Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/ Puan,

PENAMBAHBAIKAN PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) DAN TATACARA MESYUARAT AGUNG (AGM/EGM) BAGI TUJUAN PENUBUHAN PERBADANAN PENGURUSAN SUBSIDIARI (SUB MC) DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Untuk makluman, dikemukakan penambahbaikan Prosedur Operasi Standard (SOP) dan tatacara mesyuarat agung (AGM/EGM) bagi tujuan penubuhan Perbadanan Pengurusan Subsidiari (Sub MC) di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur iaitu:

2.1 Item 3.0 di muka surat 6 dan item 8.0 di muka surat 12 dibuat penambahbaikan dengan memasukkan perkara-perkara berikut sewaktu pemfailan minit mesyuarat agung siri pertama kepada pihak Pesuruhjaya dalam tempoh dua puluh lapan (28) hari hendaklah bersama-sama dengan:

- a) Laporan Mekanikal dan Elektrikal daripada Jurutera Mekanikal dan Elektrikal bertauliah yang memperjelaskan secara terperinci pembahagian fasiliti atau utiliti berkenaan harta bersama atau harta bersama terhad;
- b) Laporan jumlah pembahagian unit-unit syer hasil daripada laporan perenggan (a) di atas;
- c) Laporan jumlah pembahagian dana/kewangan hasil daripada perenggan (b) di atas;
- d) Laporan jumlah pembahagian agihan dana/kewangan daripada akaun penyenggaraan dan akaun wang penjelas sediada;

فسوروحجاي باغونن كوالا لومفور

PESURUHJAYA BANGUNAN KUALA LUMPUR

BAHAGIAN PESURUHJAYA BANGUNAN KUALA LUMPUR

TINGKAT 17, BANGUNAN TH PERDANA

1001 JALAN SULTAN ISMAIL

50250 KUALA LUMPUR

Telefon : 03-2617 1000

Faks : 03-26171040

Emel : cob@dbkl.gov.my

-2-

Ruj. Kami : (D)DBKL/JPPH/COBADMIN/21 Jld

PENAMBAHBAIKAN PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) DAN TATACARA MESYUARAT AGUNG (AGM/EGM) BAGI TUJUAN PENUBUHAN PERBADANAN PENGURUSAN SUBSIDIARI (SUB MC) DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

- e) Deraf Pelan Khas Penubuhan Sub MC; dan
- f) Deraf perjanjian antara Perbadanan Pengurusan dan Perbadanan Pengurusan Subsidiari (Sub MC) jika berkaitan yang tertakluk kepada perenggan (a) di atas.

4. Tujuan penambahbaikan terhadap SOP tersebut adalah untuk kesejahteraan bersama para pemilik dan bagi mengelakkan pertikaian dikemudian hari kelak. Penambahbaikan yang dikemukakan adalah **BERKUATKUASA SERTA MERTA**.

5. Kerjasama dan perhatian YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"BERSEDIA MENYUMBANG BANDARAYA CEMERLANG"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK HJ. MUSTAFA BIN MOHD NOR)

Pengarah Eksekutif (Pengurusan)

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur merangkap

Timbalan Pesuruhjaya Bangunan Kuala Lumpur

12/2/19